



01 FEB, 2023

Bekalan telur ayam tak stabil, sukar diperoleh

Berita Harian, Malaysia

Page 1 of 2

Bekalan telur ayam tak stabil, sukar diperoleh

Kota Bharu: Masalah bekalan telur ayam di Kelantan masih meruncing dan belum stabil apabila bahan mentah itu sukar diperoleh di pasaran.

Tinjauan ke Pusat Transformasi Luar Bandar (RTC) Tunjong, semalam, mendapati telur ayam bagi gred A, B dan C di beberapa kedai meruncing kerana bekalan habis.

Telur ayam ini dijual masing-masing RM16.50 bagi gred A, RM15.50 bagi gred B dan gred C pula, RM14.50.

Peniaga, Shahrul Fitri Mahasan, 24, berkata bekalan telur ayam sukar diperoleh sejak akhir tahun lalu dan stoknya pula terhad.

Katanya, sebelum ini, dia mengambil bekalan telur daripada pemborong di sekitar bandar ini, namun kini sukar untuk mendapat bekalan gred A, B dan C.

"Sejak awal bulan ini, saya mengambil bekalan ayam daripada Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA) yang diperoleh sekitar 100 papan seminggu."

"Langkah itu diambil bagi menampung permintaan orang ramai, namun ia belum mencukupi kerana kebiasaannya saya mendapat bekalan lebih 300 papan seminggu yang dibeli daripada pemborong," katanya ketika ditemui di sini, semalam.

Peniaga telur, Ahmad Yusran



Ahmad Yusran memeriksa bekalan telur ketika ditemui di kedainya di Pusat Transformasi Luar Bandar (RTC) Tunjong, semalam.

(Foto Nik Abdullah Nik Omar/BH)

Yusuff, 31, berkata bekalan telur meruncing berikutnya kedainya sukar mendapatkan stok bahan mentah itu.

Ambil bekalan dari FAMA

Katanya, dia juga mendapat bekalan yang sedikit dan tidak dapat memenuhi permintaan pembeli, namun dia bersyukur kerana dapat mengambil beka-

lan dari FAMA walaupun ia masih tidak mencukupi.

Peniaga roti, Zuki Zakaria, 48, berkata sebagai peniaga roti dia memerlukan kira-kira tiga papan telur sehari, namun ia sukar untuk mendapatkan bekalan pada masa ini.

"Saya terpaksa mencari di beberapa kedai, termasuk pasar raya untuk mendapatkan stok te-

lur ayam dan jika ada ia sangat terhad.

"Kebanyakan kedai dan pasar raya, mereka mengehadkan pembelian hanya satu papan untuk seorang pembeli. Saya harap kerajaan memantau perkara ini supaya bekalan telur ayam kembali stabil sekali gus dapat menurunkan harga bahan mentah ini," katanya.

Saya terpaksa mencari di beberapa kedai, termasuk pasar raya untuk mendapatkan stok telur ayam dan jika ada ia sangat terhad

Zuki Zakaria,
Peniaga roti

Sejak awal bulan ini, saya mengambil bekalan ayam daripada Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA) yang diperoleh sekitar 100 papan seminggu



Shahrul Fitri
Mahasan,
Peniaga



01 FEB, 2023

Bekalan telur ayam tak stabil, sukar diperoleh

Berita Harian, Malaysia

Page 2 of 2

SUMMARIES

Kota Bharu: Masalah bekalan telur ayam di Kelantan masih meruncing dan belum stabil apabila bahan mentah itu sukar diperoleh di pasaran. Tinjauan ke Pusat Transformasi Luar Bandar (RTC) Tunjong, semalam, mendapati telur ayam bagi gred A, B dan C di beberapa kedai meruncing kerana bekalan habis. Telur ayam ini dijual masing-masing RM16.50 bagi gred A, RM15.50 bagi gred B dan gred C pula, RM14.50.